

Kedudukan ekonomi Malaysia terus kukuh

PUTRAJAYA 7 Dis. - Malaysia mampu menghadapi persekitaran ekonomi global termasuk cabaran tukaran mata wang asing sekiranya struktur ekonomi negara terus dipelbagaikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, keyakinan itu berdasarkan pendekatan kerajaan yang lebih proaktif dengan memperkenalkan beberapa inisiatif baharu bagi mempelbagaikan sumber pertumbuhan.

"Antaranya, kerajaan menggal-

akkan pelaburan sektor swasta, seperti dalam industri pertanian dan perlombongan bagi mengurangkan pendedahan terhadap harga komoditi yang tidak menentu.

"Sekiranya usaha seumpama itu dapat dilaksanakan, Malaysia akan mencapai sasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.0 hingga 5.0 peratus untuk tahun depan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Abdul Rahman berkata, Malaysia kini tidak lagi terlalu bergan-

tung kepada sebarang komoditi, sektor-sektor yang besar mahu pun pasaran.

Jelas beliau, ia dapat dilihat pada 2009 apabila kebergantungan negara terhadap sektor minyak dan gas semakin menunjukkan perubahan daripada 41 peratus kepada hanya 14 peratus pada hari ini.

Selain itu, katanya, pengurusan ekonomi makro yang cekap dan dasar fiskal yang berhemat telah memastikan ekonomi negara berdaya tahan.